



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/09/1998

Melbourne mahu sediakan kemudahan seperti Malaysia ^{UM 12/9/98}

KUALA LUMPUR 11 Sept. — Melbourne, yang akan menawarkan diri menjadi tuan rumah Sukan Komanwel ke-18 tahun 2006, berharap dapat menawarkan kemudahan yang sama seperti Malaysia apabila menganjurkan temasya itu nanti.

Ketua Menteri Victoria, Jeff Kennet berkata beliau sungguh tertarik dengan kemudahan yang terdapat di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan yakin mereka yang terbabit dengan temasya ini akan berasa puas hati dengan kemudahan yang ada di sini.

“Saya juga tertarik dengan keindahan dan reka bentuk Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang,” kata beliau selepas menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Mengenai pertemuan dengan Dr. Mahathir, Kennet berkata beliau antara lain telah menyatakan kesediaan Melbourne menjalin hubungan kerjasama terutama dalam bidang pelajaran dan pelaburan.

Beliau berkata pihaknya juga berminat menyertai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan membuat pelaburan dalam sektor industri di Malaysia.

Selepas beliau, Presiden Majlis Olimpik Antarabangsa (IOC), Juan Antonio Samaranch, yang berada di sini untuk Sukan Komanwel turut mengunjungi Dr. Mahathir. Beliau diiringi oleh Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Tan Sri Hamzah Abu Samah. — Bernama



DR. MAHATHIR Mohamad menerima kunjungan Jeff Kennet di pejabatnya di Kuala Lumpur semalam dan kedua-dua pemimpin itu kemudian mengadakan perbincangan mengenai pelbagai isu bersama. — Gambar Bernama